

# **BANTUAN ZAKAT KE ARAH PEMBANGUNAN KUALITI HIDUP ASNAD WANITA DI HULU LANGAT, SELANGOR**

Aza Shahnaz Azman<sup>1</sup>

Fadilah Mat Nor

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## **ABSTRAK**

*Kemiskinan di kalangan asnaf bandar masih berada pada tahap yang perlu diperhalusi oleh institusi zakat serta pihak berkuasa. Pihak Lembaga Zakat Selangor telah menyantuni asnaf daripada semua kategori asnaf dengan segala bentuk program pembangunan sosial dan kendiri mereka. Hakikat ini, diperakui daripada penilaian asnaf sendiri dengan corak serta kualiti hidup mereka selama mereka berada di kawasan bandar. Penulisan ini bertujuan untuk melihat persoalan adakah bantuan agihan yang diterima mempengaruhi keperluan mereka. Antara lain juga adalah faktor-faktor penyumbang kepada ketersediaan asnaf untuk melalui kehidupan di bandar. Untuk tujuan itu juga, kajian ini lebih memfokuskan kepada responden wanita dan juga ibu tunggal di sekitar kawasan Hulu Langat, Selangor. Kawasan tersebut adalah merangkumi kawasan tahap urbanisasi yang tinggi sehingga menjangkau kepada tahap (5.651 juta) penduduk keseluruhan negeri Selangor pada tahun 2013. Manakala tahap kesejahteraan keseluruhan di Malaysia mencatatkan purata peningkatan sebanyak 1.9 peratus. Justeru, kajian ini meneliti tentang bantuan agihan zakat iaitu dimensi kepuasan agihan zakat yang mencorakkan lagi kualiti hidup asnaf dibandar. Banyak program-program antikemiskinan yang telah disalurkan kepada para asnaf antaranya ialah saluran untuk pembangunan insan, sosial, pendidikan bantuan dari asegi ekonomi serta bantuan untuk institusi agama bagi memantapkan keyakinan mereka. Hubungan yang signifikan diantara setiap bantuan yang disalurkan banyak mempengaruhi keperluan mereka dalam mengharungi arus pemodenan di kawasan bandar.*

**Kata Kunci:** *isi rumah wanita, bantuan zakat, kemiskinan*

## **PENGENALAN**

Zakat adalah diantara instrumen dana yang begitu dinamik sehingga ia diiktiraf sebagai instrument ekonomi yang boleh mengurangi kadar kemiskinan juga nadi perekonomian Islam, dimana ia adalah daripada sumber-sumber perolehan yang dipertanggungjawab dalam melaksanakan perintah Allah. Tujuan utama adalah menjurus kepada pembangunan sosial ummah. Penunaian dan pengagihan dana zakat adalah wajib dikalangan umat Islam kerana ia adalah salah satu ibadah yang diperuntukan Allah kepada umat Islam Secara praktikalnya, zakat ini dibayar oleh golongan yang kaya untuk membantu golongan miskin melalui agihan yang optimum oleh pihak yang menguruskannya

Di Selangor, sebuah institusi zakat yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri yang telah dikorporatkan dengan nama Lembaga Zakat Selangor (LZS) berperanan untuk

---

<sup>1</sup> azashahnaz@kuis.edu.my

menguruskan kesemua sumber zakat ini. Kutipan dan agihan dilakukan bagi memenuhi tuntutan agama untuk kesejahteraan umatnya. Sejarah pengurusan membuktikan bahawa dengan perkhidmatan yang cekap, zakat sebagai instrumen semulajadi berupaya membasmi kemiskinan (Farah Aida et al. 2012), (Zarina et al. (2012), dan (Muharman et al. 2012) sekaligus menjamin keseimbangan sosial dalam masyarakat Islam. Banyak kajian telah dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pengurusan institusi zakat di Malaysia khususnya di Selangor yang merupakan institusi yang berdaya saing seiring dengan tahap pembangunan negeri. Penilaian utama kesan agihan zakat merujuk kepada jurang pendapatan asnaf malah objektif ini menjadi objektif utama kerana daripada pendapatan yang lebih stabil maka ia akan membentuk masyarakat yang berkualiti. Pandangan ini dikritik oleh beberapa ulama antaranya Qardawi (1988) mentakwilkan bahawa pandangan itu adalah semata-mata berbentuk pandangan alam. Hujahan beliau menyatakan bahawa pendapatan tidak semestinya meningkatkan kredibiliti seseorang dalam mengurus kehidupan mereka sehari-hari. Pandangan ini menitikberatkan kualiti hidup seseorang daripada segi keimanan manakala pendapatan hanyalah sebahagian harta yang bertindak sebagai penambahbaikan kehidupan dan mengurangkan ketidakseimbangan keperluan mereka.

Umumnya kemiskinan hanya tertumpu di kawasan luar Bandar dan berkait rapat dengan beberapa aspek seperti etnik, kaum dan tahap pembangunan meraka. Walaupun banyak kajian yang melibatkan masalah kemiskinan di luar bandar, namun harus diteliti kembali bahawa kemiskinan di bandar juga merupakan satu masalah serius yang melibatkan sosio dan pembangunan ekonomi negara. Kajian-kajian lepas juga membuktikan bahawa penghijrahan penduduk daripada kawasan luar bandar ke bandar adalah faktor utama dalam peningkatan kadar kemiskinan ini. Atas faktor migrasi ini, maka berlakulah rentetan masalah yang berangkaian iaitu pertumbuhan penduduk bandar yang terlalu cepat, ketiadaan peluang pekerjaan, saiz keluarga yang besar, kurang berpendidikan dan berkemahiran dan juga pendapatan yang tidak mencukupi dengan pertumbuhan kadar urbanisasi sesebuah kawasan bandar. Keadaan disulitkan lagi dengan ketidakmampuan untuk memiliki rumah yang selesa dan kecapaian terhadap kemudahan asas yang lain.

Seterusnya, kajian akan melihat kumpulan ketua isi rumah wanita yang mendominasikan kemiskinan di kawasan bandar di Selangor iaitu di daerah Petaling dan juga Hulu Langat. Satu perkara yang tidak dapat dinafikan adalah wanita adalah kumpulan yang dilihat kearah kemiskinan akibat daripada beberapa faktor ketidakupayaan mereka dalam penyerapan tenaga buruh. Isu tenaga buruh banyak dikaitkan dengan tingkat penyerapan tenaga buruh yang berpendidikan serta berkemahiran. Insiden isu kurang berpendapatan ini adalah dikalangan wanita yang tertindak sebagai ketua isi rumah, misalnya dianggarkan 40 peratus jumlah keseluruhan ketua isi rumah wanita adalah dikawsan Caribbean dan Afrika Selatan. Angka ini hampirkan kepada separuh daripada kemiskinan yang tertumpu di bandar.

## **KAJIAN LITERATUR**

Konteks kemiskinan di Malaysia boleh diukur menggunakan dua pendekatan iaitu kemiskinan mutlak dan juga kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak dilihat dari sudut pendefiniasinya dimana ia diukur mengikut ketidakmampuan individu untuk memenuhi keperluan asas bagi menikmati kesejahteraan hidup. Keperluan asasnya merujuk kepada makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubahan. Kemiskinan

mutlak (EPU 2013), ini disamaratakan dengan pengurukan pendapatan garis kemiskinan (PGK). Tetapi kamiskinan relatif masih wujud kerana taraf hidup yang berbeza walaupun menggunakan perkhidmatan yang sama. Kajian empirik membuktikan bahawa pertumbuhan ekonomi akan diiringi oleh proses perbandaran yang cepat. Didalam bicara ini, golongan yang masih ketinggalan daripada arus pembangunan ekonomi akan tergolong di dalam kitaran kemiskinan. Menurut RMKe-11, kadar kemiskinan dikalangan rakyat Malaysia semakin berkurangan daripada 12.4 peratus pada tahun 1992 kepada 6.1 peratus pada tahun 1997. Walau bagaimanapun peratusan ini meningkat semula pada tahun 1999 dengan kenaikan kepada 8.5 peratus akibat krisis ekonomi. Namun keadaan ini berhasil dipulihkan sehingga kadar kemiskinan ini berkurangan hingga mencapai 0.6 peratus pada tahun 2014 (EPU, 2015).

Manakala kemiskinan dikalangan isi rumah wanita adalah sebahagian daripada penyumbang kepada kadar kemiskinan bandar. Antara faktor yang membelenggu kaum wanita adalah ketidakupayaan untuk mereka dalam penyerapan tenaga buruh akibat daripada kurangnya kemahiran serta faktor usia dan keluarga. Sektor utama yang berperanan untuk menggabungkan peranan produktif mereka adalah sektor tidak formal. Sektor ini mampu memberikan peluang pekerjaan kepada kaum wanita yang tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan tidak berkemahiran, malah ia membantu mereka meraih pendapatan dalam mengurangkan bebanan keluarga. Antara sektor-sektor tidak formal yang diceburi adalah sebagai pengasuh, tukang jahit tidak berdaftar, bermiaga kecil-kecilan serta mengurut dan lain-lain yang berbentuk tidak formal. Kajian Azizah Kassim (1986), Yeoh (1982), Nor Aini dan Faridah (1989) membuktikan bahawa sumbangan pendapatan yang diberikan oleh kaum wanita di dalam kerangka sektor tidak formal kepada keluarga adalah besar dimana wanita tersebut bertindak juga sebagai ketua isi rumah di bandar.

Umum mengetahui bahawa seiring dengan pola peningkatan kemiskinan dibandar, banyak program-program yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk. Antaranya ialah institusi zakat yang memikul peranan dan tanggungjawab yang besar dalam menguruskan dana zakat di sesebuah negeri. Dua klasifikasi pengurusan yang menjadi tumpuan utama adalah kutipan dan seterusnya agihan dana zakat. Kutipan yang efisen dan pengagihan yang cekap mampu untuk meningkatkan lagi pembangunan sosial, pendidikan ekonomi, insan dan pembangunan institusi agama. Isu-isu kutipan telah banyak diperbincangkan dalam kajian-kajian yang lepas dan pelbagai isu telah diperdebatkan untuk meningkatkan lagi kecekapan kutipan serta hebahan kepada masyarakat dalam melihat ketirisan pengurusan dana zakat ini. Seiring dengan perkembangan ekonomi dalam kalangan umat Islam hari ini, jumlah kutipan zakat mencatatkan prestasi yang meningkat saban tahun. Seterusnya, institusi zakat berperanan mengagihkan dana zakat secara adil, telus dan efisien kepada golongan asnaf. Namun begitu, isu keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat masih membelenggu umat Islam (Md Hairi et. al, 2012). Golongan asnaf memerlukan bantuan agar mereka dapat keluar daripada cengkaman kemiskinan yang disebabkan oleh tingkat urbanisasi yang tinggi di kawasan bandar. Oleh itu, pihak institusi zakat harus meneliti pendekatan agar dasar-dasar yang dibentuk dapat menyelesaikan belenggu kemiskinan ini.

Iman & Sanep (2011) menyarankan bahawa tahap keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat wajar diselidiki dari aspek kutipan dan juga agihan memandangkan institusi zakat

sangat berperanan dalam masyarakat. Maka, punca ketidakyakinan terhadap institusi zakat perlu dikenalpasti samaada dari persepsi pembayar maupun penerima zakat. Kecekapan sistem agihan zakat sekiranya dapat direalisasikan secara menyeluruh di seluruh negeri di Malaysia, mampu memberi kesan yang besar kepada taburan kemiskinan negara. Sebagai contoh Fuadah et al. (2014) telah membincangkan bahawa pertambahan jumlah agihan zakat yang disalurkan kepada mualaf berdaftar di negeri Selangor telah dapat membantu golongan ini berhadapan dengan kesukaran dan kemiskinan hidup. Dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi keyakinan individu terhadap pengurusan institusi zakat, maka semakin tinggi kepuatan individu untuk membayar zakat kepada institusi zakat (Sanep et al. 2006). Oleh itu, institusi zakat perlu mengambilkira pelbagai aspek yang perlu ditambahbaik dalam pengurusan agihan zakat agar tahap keyakinan masyarakat Islam dapat ditingkatkan dan dapat mengurangkan kesan negatif akibat ketidakyakinan terhadap institusi zakat.

## **HASIL KAJIAN**

Dapatan yang diperoleh adalah mengenai maklumat latar belakang responden wanita yang merangkumi umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, jumlah tanggungan, anggaran perbelanjaan dan juga anggaran pendapatan bulanan keluarga tersebut. Seramai 116 responden wanita daripada jumlah keseluruhan 196 responden yang telah dikaji dikawasan Bandar Petaling dan juga Hulu Langat, Selangor. Kaedah persampelan yang digunakan adalah *disproportional- Quota sampling* dimana individu asnaf yang dikaji daripada empat (4) buah mukim mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden (Tabachnick et al., 2001). Dengan persampelan berdasarkan beberapa ciri-ciri dan kriteria maka kaedah ini adalah yang terbaik untuk bertindak sebagai analisis penyelidikan. Bilangan sampel bagi setiap kawasan yang dikaji adalah berkadar dengan jumlah penduduk dikawasan tersebut. Dengan cara ini sampel yang dipilih telah dapat mewakili populasi sasaran (Mohd Fauzi et al., 2006).

Jadual 1: Latar Belakang Responden

		Kekerapan	Peratusan (%)
Umur	20 tahun – 40 tahun	26	22.4
	41 tahun – 50 tahun	38	32.8
	51 tahun – 60 tahun	32	27.6
	61 tahun – 70 tahun	15	12.9
	Lebih 71 tahun keatas	5	4.3
Status Perkahwinan	Bujang	2	1.7
	Berkahwin	56	48.3
	Ibu Tunggal	58	50.0
Taraf Pendidikan	Tidak Formal	32	27.6
	SRP	43	37.1
	SPM	37	31.9
	STPM	1	0.9
	Pengajian Tinggi	3	2.6
Sektor Pekerjaan	Tidak Formal	47	40.5
	Kerajaan	1	0.9
	Swasta	42	36.2
	Sendiri	26	22.4

*Sumber:* Kajian Lapangan 2015

Merujuk kepada Jadual 1 iaitu latar belakang responden wanita yang berada di kawasan Bandar adalah dalam lingkungan 41 tahun hingga 50 tahun dengan peratusan sebanyak 32.8 peratus, manakala wanita yang berusia diantara 51 tahun hingga 60 tahun dengan peratusannya sebanyak 32 peratus berbanding wanita yang berada dalam lingkungan yang lebih muda iaitu diantara 24 peratus sahaja. Ini membuktikan bahawa wanita asnaf yang banyak menerima bantuan daripada institusi zakat adalah yang berlingkungan lebih daripada 40 tahun keatas. Mereka ini tergolong didalam golongan B40 yang berpendapatan rendah.

Daripada hasil dapatan data juga menunjukkan wanita yang berusia lingkungan 40 tahun ini adalah wanita yang berumah tangga dan majoriti memiliki taraf ibu tunggal. Wanita-wanita ini bekerja keras untuk menampung keperluan keluarga dengan perolehan pendapatan yang sedikit. Antara sektor pekerjaan yang mereka ceburi adalah sektor tidak formal seperti mengasuh anak-anak, tukang jahit, berniaga secara kecil-kecilan, pertukangan, dan juga tukang gunting rambut. Peratusan mereka berada di dalam sektor tidak formal ini adalah tinggi berbanding dengan pekerjaan yang berdaftar seperti syarikat swasta dan juga bekerja sendiri mencatatkan peratusan 40.5 peratus, 36.2 peratus dan juga 22.4 peratus. Tiadanya penglibatan didalam sektor formal adalah berkemungkinan daripada penyerapan tenaga buruh yang berorientasikan latar belakang pendidikan. Hasil kajian juga mendapati taraf pendidikan wanita asnaf ini hanya mempunyai taraf pendidikan menengah dengan statistik 31.9 peratus iaitu berpendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dengan 37.1 peratus. Selebihnya majority responden ini berpendidikan tidak formal dengan peratusan 26.1 peratus. Pendidikan tidak formal ini tergolong didalam kategori sekolah pondok atau pertengahan sekolah rendah. Mereka tidak dapat meneruskan pelajaran disebabkan oleh kemiskinan yang diwarisi daripada turun temurun.

Jadual 2: Maklumat Perbelanjaan

		Kekerapan	Peratusan (%)
Bilangan Tanggungan Isi Rumah	Kurang 3 orang	50	43.1
	4 orang – 7 orang	59	50.9
	8 orang – 12 orang	7	6
Anggaran Pendapatan	Kurang RM500	27	23.2
	RM501 – RM1000	65	56
	RM1501 – RM1500	17	14.7
	RM1501 – RM2000	5	4.3
	Lebih RM2001	2	1.7
Jenis Bantuan Yang Diterima	Keperluan Bulanan	92	79.3
	Pendidikan	19	16.4
	Modal	1	0.9
	Perubatan	4	3.4
Kegunaan Bantuan Yang Diterima	Keperluan asas	104	89.7

Bayaran	7	6
Bil/sewa/kenderaan		
Hutang/Pakaian	5	4.3

Sumber: Kajian Lapangan 2015

Jadual 2 pula menghasilkan dapatan yang bersifat kolektif iaitu maklumat responden berbentuk bantuan yang disalurkan oleh institusi zakat kepada mereka. Statistik menunjukkan bilangan tanggungan isi rumah yang ditanggung oleh wanita asnaf adalah diantara 4 orang hingga 7 orang dengan peratusan sebanyak 50.9 peratus. Bilangan tanggungan ini termasuklah suami/tiada suami, anak-anak dan juga ibu-bapa yang sudah tua. Manakala anggaran pendapatan yang diterima oleh mereka adalah diantara RM501 hingga RM1000 dengan peratusan 56 peratus. Ia adalah antara peratusan yang tertinggi penerimaan pendapatan kurang RM1001. Kategori penerimaan kurang daripada RM1001 adalah dibawah paras pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan oleh kerajaan persekutuan Malaysia. Penetapan PGK Negara adalah RM940 dikawasan Bandar dan RM870 dikawasan luar Bandar bagi Semenanjung Malaysia. (EPU,2014).

Jadual 3: Kadar Kemiskinan

		Kekerapan	Peratusan (%)
Anggaran Kemiskinan	Miskin	110	94.8
	Tidak Miskin	6	5.2
Jenis Kemiskinan	Miskin	34	29.3
	Miskin Tegar	82	70

Sumber: Kajian Lapangan 2015

Jika dilihat daripada Jadual 3, kadar kemiskinan yang dialami oleh asnaf yang diketuai oleh isi rumah wanita menunjukkan majoriti dibelenggu oleh kemiskinan sebanyak 94.8 peratus. Peratusan yang begitu tinggi dibandingkan dengan mereka yang telah dikeluar daripada kategori kemiskinan hanya mencatatkan peratusan 5.2 peratus. Jelaslah disini, anggaran pendapatan yang diterima masih lagi diperangkat miskin tegar dan juga kategori miskin. Ditambah pula dengan kepesatan pembangunan ekonomi Selangor yang menuju kearah kepadatan penduduk yang semakin tinggi serta diringi dengan peningkatan taraf hidup yang tinggi. Catatan juga menunjukkan golongan miskin tegar adalah lebih ramai dengan 70 peratus berbanding dengan golongan miskin sahaja iaitu 29 peratus. Maka disini, keperluan bantuan adalah sangat diperlukan oleh asnaf ini untuk meneruskan kehidupan mereka. Antara program-program dan bantuan yang telah disalurkan kepada pihak asnaf untuk membantu mereka adalah *non-cash* seperti pendidikan anak-anak, bantuan perumahan, pendidikan kemahiran jangka panjang dan pendidikan agama, bantuan dari segi pengangkutan, perubatan dan banyak lagi bantuan yang telah disalurkan selain daripada keperluan asas yang hakiki (LZS, 2016).

Jadual 4: Hubungan Diantara Bantuan yang Diterima Terhadap Keberkesanan Penggunaan Asnaf

	Keberkesanan Bantuan		
	Berkesan	Tidak Berkesan	Jumlah
Keperluan Bulanan	68	24	92
	73.9%	26.1%	100%
Pendidikan	15	4	19

	78.9%	21.1%	100%
Modal	1 100%	0 0%	1 100%
Perubatan	4 100%	0 0%	4 100%
Jumlah	88 75.9%	28 24.1%	116 100%

Sumber: Kajian Lapangan 2015

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan hubungan diantara bantuan yang diterima terhadap keberkesanan kepada keperluan oleh asnaf. Antara keperluan mereka adalah untuk pendidikan, keperluan asas, keperluan modal untuk memulakan usaha bermula secara kecil-kecilan dan juga keperluan untuk perubatan. Antara yang tertinggi yang digunakan oleh isi rumah bantuan ini ialah bagi keperluan asas bulanan sebanyak 73.9 peratus berbanding dengan keperluan-keperluan yang lain. Tahap keberkesanan secara keseluruhan bantuan yang dihulurkan adalah melibih daripada 75 peratus. Keperluan-keperluan yang lain masih diperlukan tetapi keperluan asas bulanan adalah yang paling utama bagi asnaf isirumah untuk meneruskan *survivality* mereka. Setiap keperluan yang disalurkan banyak membantu asnaf bagi meneruskan kehidupan mereka bergantung kepada keperluan yang asas. Seperti bantuan pendidikan untuk anak-anak banyak memberi peranan kepada asnaf untuk keluar daripada kepompong kemiskinan untuk jangka panjang. Ramai anak-anak asnaf juga yang telah berjaya hingga mendapat pekerjaan yang profesional serta mereka dapat membantu kembali keluarga dan juga masyarakat yang memerlukan bantuan pendidikan sepanjang hayat. Tidak kurang juga antara keperluan bantuan yang lain seperti bantuan modal untuk usahawan-usahawan kecil asnaf ini untuk terus maju dalam bidang yang diceburi.

## KESIMPULAN

Berdasarkan statistik kadar kemiskinan yang telah berkurang dari tahun ke tahun, ia menjelaskan bahawa strategi dan program antikemiskinan yang dilaksanakan telah berjaya dikurangkan, namun perubahan populasi serta taraf hidup adalah antara faktor-faktor makroekonomi yang perlu diambil perhatian didalam dasar kerajaan. Dasar-dasar yang seiring dengan antikemiskinan lebih memfokuskan kepada program kemiskinan yang tertumpu kepada kawasan luar bandar, namun isu semasa lebih serius kepada lokalisasi kemiskinan kian tumbuh di bandar. Program antikemiskinan dibandar yang dijalankan lebih bersifat umum, walaupun kemiskinan relatif menjadi corak kemiskinan di kawasan luar bandar. Lembaga Zakat Selangor (LZS), telah merangka dan menjalankan segala bentuk bantuan yang boleh disalurkan untuk membantu asnaf bandar yang majoriti diketuai oleh isi rumah wanita berkeluarga dan juga ibu tunggal. Kajian ini lebih memfokuskan kepada isi rumah wanita asnaf yang bertindak untuk menyara keluarga dengan tanggungan ahli keluarga yang ramai. Antara bantuan yang telah dikenalpasti oleh pihak zakat telah disalurkan untuk meringankan bebanan yang ditanggung mereka. Tidak dinafikan, walaupun bantuan ini terhad kepada beberapa keperluan sahaja, tetapi ia masih signifikan untuk disalurkan kepada mereka dalam jangka panjang. Objektif utama pihak institusi zakat adalah untuk mengeluarkan asnaf daripada kelompok kemiskinan dan menjadikan mereka diantara golongan yang membantu asnaf lain pula.

## **RUJUKAN**

- Asselin, L.M. and Anh, V. T. (2010). Multidimensional poverty monitoring: A Methodology and Implementation in Vietnam. *Vietnam's Socio-Economic Development Review* 38.
- Chamhuri Siwar. 2004. Pembasmian Kemiskinan dalam fasa Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) hingga Dasar Wawasan Negara (2002-2010): Satu Penilaian. Dlm. Mohamad Khairudin Mohamed dan Ahmad Syahir Sarani (pyntg), Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar (ms. 5-47). Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Diyana Isahak, Doris Padmini Selvara & Nor Aini Haji Idris. 2009. Isu dan Cabaran Ibu Tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. Prosiding Perkem IV (1): 324-336.
- Fatimah Hassan. Kejayaan wanita dalam program pembasmian kemiskinan luar bandar Malaysia: Kajian kes Projek Amanah Ikhtiar Malaysia. *Wanita dan perjuangan*. [http://eprints.usm.my/27570/1/wanita\\_perjuangan\\_2011full.pdf](http://eprints.usm.my/27570/1/wanita_perjuangan_2011full.pdf).
- Fauzi, H., Noraini, I., Madeline, B., Faridah. S. (2006). Kemiskinan di Kalangan Masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 40 (2006), 95-101.
- Khadijah Mohd Salleh. 2003. Peranan Wanita Islam dalam Menghadapi Cabaran Globalisasi. <http://www.bernama.com/events/ulama/rpp.shtml?km/kmkhalijah>.
- Nor Aini Haji Idris & Doris Padmini Selvaratnam. 2012. Program pembasmian kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal: Analisis penyertaan dan keberkesanan. *Prosiding Perkem VII* (1): 248-259.
- Nor Aini Haji Idris & Ishak Yussof. 2003. "Sektor Tidak Formal dan Kemiskinan Bandar" dlm. Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar, *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia* (hlm.23-40). Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Haji Idris. 1999. Kredit di kalangan wanita miskin: Projek Amanah Ikhtiar Malaysia. *Akademik* (54): 13-31.
- Norzita, J dan Hadijah, N. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48:167-177.
- Tabachinick, B. G & Fidel, L. S. (2001). Using Multivariate Statistic. Needham Height: Alyn & Bacon.
- Unit Perancang Ekonomi 2013. Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013. Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Zarina Kadri et al. (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi : Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. (Vol. 2, pp. 1263–1273)